



Ministry of Industry and Primary Resources

TEKS UCAPAN

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Utama
Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan
Mudim Dato Paduka Haji Bakar,
Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama

sempena

**‘Hari Terbuka Industri Agrimakanan
dan
Pelancaran Buku Aneka Masakan’**

Hari Khamis,
8 Rejab 1435 bersamaan 8hb. Mei 2014

Inkubator Makanan Perusahaan Kecil,
Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei,
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kilanas

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

Yang Mulia Hajah Normah Suria Hayati Binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Laila Utama Dr Hj Mohd Jamil Al-Sufri, Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama Selaku Pengerusi Majlis;

Yang Berhormat Ahli-Ahli Mesyuarat Negara;

Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap;

Yang Mulia Ketua-Ketua Pengarah, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai Daerah, Pengerusi Lembaga Bandaran, Ketua-Ketua Kampong, Presiden Persatuan –persatuan Wanita, Pengetua Maktab dan Sekolah, Pegawai-Pegawai Kanan, Pegawai-Pegawai, para pengusaha-pengusaha pertanian dan agrimakanan serta para hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataa'la, selawat dan salam ke atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, keluarga serta para sahabat dan juga pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataa'la kerana dengan limpah rahmat dan hidayahnya jua, kita semua dapat berkumpul di Majlis yang mulia ini. Dan saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa penganjur kerana sudi menjemput saya sebagai Tetamu Kehormat pada pagi ini.

Para hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

1. Agrimakanan merupakan satu sektor yang berpotensi untuk dikembangmajukan. Peningkatan hasil daripada sektor ini sangatlah menggalakkan dan sebilangan besar daripada pengusaha ini terdiri daripada kaum wanita. Melihat kepada tren perkembangan industri agrimakanan masa kini, nilai pengeluaran telah menunjukkan peningkatan yang positif di mana pengeluaran produk tambah nilai meningkat daripada 6.4% pada tahun 2011 hingga ke 9.82% bagi tahun 2013 dan kemudian melonjak lagi kepada 37.3% pada tahun 2013. Pada tahun 2013 nilai hasil daripada sektor ini mencapai \$86.24 juta.

2. Sektor Agrimakanan di Negara ini dijalan sebahagian besarnya oleh pengusaha kecil dan sederhana (PKS). Melalui pendaftaran di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, pada masa ini seramai 331 pengusaha yang terlibat dalam sektor agrimakanan. Dan penglibatan pengusaha ini adalah kerana minat dan gemar. Ini adalah merupakan satu faktor penting untuk terus berusaha maju dan menjadi dorongan untuk mencapai kejayaan.

3. Di antara cabaran masa kini yang sering dihadapi oleh pengusaha kecil dan sederhana agrimakanan ialah seperti aspek kawalan kualiti dan keselamatan, pembungkusan dan persembahan produk, permasalahan untuk mendapatkan mesin dan peralatan yang sesuai serta premis dan lokasi perusahaan yang menepati garis panduan Amalan Perkilangan yang Baik atau Good Manufacturing Practices (GMP).

4. Oleh itu, untuk mengatasi isi dan permasalahan yang dihadapi oleh pengusaha kecil dan sederhana pemprosesan makanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah membangunkan sebuah inkubator berskala kecil iaitu Inkubator Makanan Perusahaan Kecil, yang mana fasiliti ini telah pun mula beroperasi pada bulan Julai tahun lepas, dan memfokuskan kepada perusahaan bakeri dan biskut, dan juga makanan tradisi. Matlamat utamanya adalah bagi membantu industri agrimakanan kecil-kecilan atau *cottage food industries* untuk menjalankan aktiviti pemprosesan di dalam premis dan prasarana yang menepati keperluan asas Amalan Perkilangan yang Baik atau *Good Manufacturing Practices* (GMP).

5. Sebagai kesinambungan kepada pencapaian usaha yang berkebijakan ini, perancangan telah dilaksanakan untuk mengembangkan konsep inkubator ini kepada kategori produk seperti sos, minuman dan jus, dan produk hasilan daging. Dengan adanya kemudahan pemrosesan ini, adalah menjadi harapan Kementerian untuk melahirkan generasi pengusaha kecil dan sederhana sektor agrimakanan yang lebih produktif, berupaya berdikari sendiri dan mempunyai modal perusahaan yang kukuh untuk membiayai bangunan premis pemrosesan mereka yang lengkap dengan mesin dan peralatan pemrosesan yang bersesuaian bagi produk masing-masing.

6. Adalah diharapkan supaya inkubator ini boleh dikembangkan lagi bagi membolehkan lebih ramai pengusaha boleh menggunakannya dalam masa yang sama produk yang dikeluarkan akan menepati piawaian pengeluaran makanan. Konsep yang sama juga boleh dilaratkan kepada mukim dan kampung supaya program satu produk satu kampung mempunyai kualiti menepati piawaian makanan.

7. Sektor agrimakan yang diterokai di Negara ini bersandarkan kepada faktor kehalalan yang mana pasaran global adalah berjumlah US 634 billion ringgit. Ini adalah jumlah yang sangat besar dan memberikan peluang yang baik. Walau bagaimanapun, pasaran antarabangsa tidaklah semudah itu untuk diterokai tetapi perkara ini tidak mustahil jika ianya dilaksanakan secara bersistematik dan berperingkat-peringkat.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan kerjasama Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Majlis Ugama Islam Brunei telah membangun satu inisiatif bagi membolehkan Negara ini menembusi pasaran halal. Inisiatif jenama *bruneihalal* akan membolehkan produk tempatan dan luar negara yang telah diiktiraf halal untuk dipasarkan kepada orang-orang Islam di seluruh dunia. *Bruneihalal* pada peringkat permulaan akan berkerjasama dengan syarikat-syarikat luar negara supaya dapat mengeluarkan produk yang berkualiti dan dapat diterima untuk dijual di pasar-raya di negara-negara maju. *Bruneihalal* akan menjadi prasarana atau '*platform*' kepada produk-produk tempatan untuk dipasarkan di luar negara dengan syarat pengeluaran produk berkenaan adalah

daripada premis yang diiktiraf menggunakan proses perkilangan yang baik. Inkubator makanan ini boleh digunakan oleh pengusaha kecil dan sederhana jika mereka ingin mengikuti projek *bruneihalal*.

9. Majlis pagi ini juga diselajurkan dengan pelancaran dua buah buku Aneka Masakan Buah-Buahan Brunei, iaitu Aneka Masakan Tradisi Buah-Buahan Brunei (Traditional Cuisine of Brunei Fruits) dan Aneka Resipi Kontemporari Buah-buahan Brunei (Contemporary Recipes of Brunei Fruits). Tidak dapat dinafikan, penerbitan buku-buku resipi ini adalah sangat bertepatan dengan penghasilan buah-buahan tempatan pada musim buah yang kian meningkat dan aktiviti-aktiviti tambah nilai adalah sangat diperlukan untuk pengolahan buah-buahan tempatan. Dengan adanya komitmen dan kreativiti di kalangan masyarakat khususnya

pengusaha industri agrimakanan, industri pemrosesan hiliran (*down stream processing*) dapat dipelbagaikan dan menjadi lebih progresif di masa hadapan.

10. Pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakan telah dan Insya Allah akan terus memberi bantuan dan insentif kepada pengusaha kecil dan sederhana seperti khidmat nasihat pelabelan, pembungkusan, sistem pemrosesan, penganilasaan, dan lain-lain lagi perkhidmatan yang berkaitan dengan nya.
11. Akhir kata, dengan bertawakkal kepada Allah S.W.T serta selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W., dan dengan mendahulukan kalimah BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, saya dengan rasminya melancarkan ***Hari Terbuka Industri***

Agrimakanan dan Pelancaran Buku Aneka Masakan.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warrahmatullahi Wabarakatuh.